



27 Februari 2024
27 February 2024
P.U. (A) 70

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMELIHARAAN
KESELAMATAN AWAM (PINDAAN) 2024

*PRESERVATION OF PUBLIC SECURITY
(AMENDMENT) REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM (SABAH) 1962

PERATURAN-PERATURAN PEMELIHARAAN KESELAMATAN AWAM (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(c) dan (e) Akta Pemeliharaan Keselamatan Awam (Sabah) 1962 [*Akta 843*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam (Pindaan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2024.

Pindaan tajuk

2. Peraturan-Peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam 2013 [*P.U. (A) 103/2013*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam tajuk dengan memasukkan selepas perkataan “KESELAMATAN AWAM” perkataan “(SABAH)”.

Pindaan peraturan 1

3. Peraturan 1 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “**Keselamatan Awam**” perkataan “**(Sabah)**”.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung takrif “Menteri” dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif “Menteri” takrif yang berikut:

‘ “operasi” ertinya mana-mana aktiviti pengoperasian keselamatan, risikan, pertahanan dan penguatkuasaan yang dijalankan di Kawasan Timur.’.

Pindaan Bahagian II

5. Bahagian II Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan kepala “JAWATANKUASA ZON SELAMAT SABAH TIMUR DAN JAWATANKUASA PEMANTAUAN” dengan kepala “JAWATANKUASA BERSAMA ZON SELAMAT SABAH TIMUR”.

Pindaan peraturan 5

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 5 dengan peraturan yang berikut:

“Penubuhan Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur

5. (1) Bagi maksud pemeliharaan keselamatan awam, suatu jawatankuasa yang dinamakan “Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur” ditubuhkan.

(2) Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Menteri;

(b) Ketua Menteri Sabah; dan

(c) tidak kurang daripada lima orang anggota lain yang akan dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Ketua Menteri Sabah.

(3) Menteri dan Ketua Menteri Sabah hendaklah menjadi Pengerusi Bersama Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur.

(4) Menteri dan Ketua Menteri Sabah hendaklah bertanggungjawab bagi—

- (a) penyelarasan dan pelaksanaan fungsi dan aktiviti Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur;
- (b) pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur; dan
- (c) perintah dan arahan kawalan operasi di Kawasan Timur Sabah.

(5) Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur fikirkan perlu atau suai manfaat untuk membantu Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur.

(6) Jawatankuasa Bersama Zon Selamat Sabah Timur dan jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subperaturan (5) boleh menentukan tatacaranya sendiri.”.

Pindaan peraturan 5A

7. Peraturan 5A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**perintah dan kawalan operasi keselamatan dan risikan**” dengan perkataan “**perintah dan kawalan operasi**”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “perintah dan kawalan operasi keselamatan dan risikan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “perintah dan kawalan operasi”.

Pemotongan peraturan 6

8. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 6.

Pemotongan peraturan 7

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 7.

Pindaan peraturan 18

10. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong perkataan “sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa Pemantauan”.

Pemotongan peraturan 18A

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 18A.

Dibuat 19 Februari 2024
[KDN.K.R.600-7/6/9; PN(PU2)716]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Menteri Dalam Negeri

PRESERVATION OF PUBLIC SECURITY (SABAH) ACT 1962

PRESERVATION OF PUBLIC SECURITY (AMENDMENT) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 3(2)(c) and (e) of the Preservation of Public Security (Sabah) Act 1962 [Act 843], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Preservation of Public Security (Amendment) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 1 March 2024.

Amendment of title

2. The Preservation of Public Security Regulations 2013 [*P.U. (A) 103/2013*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in the title by inserting after the words “PUBLIC SECURITY” the word “(SABAH)”.

Amendment of regulation 1

3. Regulation 1 of principal Regulations is amended by inserting after the words “**Public Security**” the word “**(Sabah)**”.

Amendment of regulation 4

4. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the full stop at the end of the definition of “Minister” a semi colon; and

(b) by inserting after the definition of “Minister” the following definition:

‘ “operation” means any security operational activity, intelligence, defence and enforcement conducted in the Eastern Area.’.

Amendment of Part II

5. Part II of the principal Regulations is amended by substituting for the heading of “EASTERN SABAH SAFETY ZONE COMMITTEE AND OVERSIGHT COMMITTEE” the heading of “EASTERN SABAH SAFETY ZONE JOINT COMMITTEE”.

Amendment of regulation 5

6. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 5 the following regulation:

“Establishment of Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee

5. (1) For the purposes of preservation of the public security, a committee by the name of “Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee” is established.

(2) The Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee shall consist of the following members:

(a) the Minister;

(b) the Chief Minister of Sabah; and

(c) not less than five other members to be appointed by the Minister after consultation with the Chief Minister of Sabah.

(3) The Minister and the Chief Minister of Sabah shall be the Co-Chairmen of the Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee.

(4) The Minister and the Chief Minister of Sabah shall be responsible for—

- (a) the coordination and implementation of functions and activities of the Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee;
- (b) the administration and management of affairs of the Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee; and
- (c) the command and direction of control of operation in the Eastern Area of Sabah.

(5) The Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee may establish any committee as the Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee thinks necessary or expedient to assist the Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee.

(6) The Eastern Sabah Safety Zone Joint Committee and the committee established under subregulation (5) may determine its own procedures.”.

Amendment of regulation 5A

7. Regulation 5A of the principal Regulations is amended—

- (a) in the shoulder note, by substituting for the words “**command and control of security and intelligence operations**” the words “**command and control of operation**”; and
- (b) by substituting for the words “command and control of security and intelligence operations” wherever appearing the words “command and control of operation”.

Deletion of regulation 6

8. The principal Regulations are amended by deleting regulation 6.

Deletion of regulation 7

9. The principal Regulations are amended by deleting regulation 7.

Amendment of regulation 18

10. Regulation 18 of the principal Regulations is amended by deleting the words “as directed by the Oversight Committee”.

Deletion of regulation 18A

11. The principal Regulations are amended by deleting regulation 18A.

Made 19 February 2024
[KDN.K.R.600-7/6/9; PN(PU2)716]

DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Minister of Home Affairs